

Tindakan terhadap kampung2 setinggan

Hormat: 'Rujuk dulu keputusan kepada saya'

KUALA LUMPUR, Rabu — Menteri Besar Selangor, Datuk Hormat Rafei hari ini mengarahkan semua pegawai daerah dan pihak penguasa tempatan merujuk keputusan mereka untuk bertindak ke atas kampung-kampung setinggan kepada beliau atau Setiausaha Kerajaan Negeri sebelum memulakan tindakan.

"Segala keputusan untuk meroboh rumah-rumah haram hendaklah dirundingkan dengan saya atau Pejabat Kerajaan Negeri supaya tindakan melulu yang boleh mengakibatkan kejadian tidak diinginkan dapat dielakkan," tambahnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh ASARI IBRAHIM

Arahan beliau yang agak 'keras' itu dikeluarkan sewaktu melawat mangsa-mangsa tindakan Pejabat Daerah Gombak meroboh rumah-rumah mereka di sepanjang Sungai Kelang di Kilometer 11, Ulu Kelang dekat sini.

Dalam kejadian 17 Disember itu, 41 buah rumah dari 260 buah rumah setinggan di situ d robohkan berikutan keengganan mereka berpindah walaupun telah diberi notis untuk berbuat demikian.

Beberapa keluarga yang tidak mempunyai pilihan lain terpaksa berdegil untuk terus tinggal di kawasan rumah mereka yang telah punah dengan membina bangsal-bangsal sementara.

Datuk Hormat 'yang agak terkilan' dengan apa yang dilihatnya juga telah mengeluarkan arahan serta merta supaya jawatankuasa bertindak ditubuhkan bagi membela nasib mereka yang terlibat.

Jawatankuasa bertindak yang dipengerusikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Gombak, Datuk Haji Zakaria Yahaya itu diarah menamatkan semula mangsa-mangsa kejadian sama ada di rumah-rumah pangsa PKNS atau di atas tanah-tanah kerajaan negeri yang masih tidak digunakan lagi.

Datuk Hormat juga mengarahkan jawatankuasa itu dapat mentadbirkan wang derma yang diterima bagi pihak mereka yang terlibat untuk membina rumah-rumah sementara mereka.

Beliau sendiri menyumbangkan \$200 untuk tujuan itu.

"Bagaimanapun, ini tidaklah bermakna kami membenarkan kamu tinggal di sini. Kamu terpaksa berpindah kerana tanah di kawasan ini akan digunakan bagi kepentingan negara," ujarnya kepada mangsa-mangsa kejadian.

Sewaktu mengeluarkan arahan itu, Menteri Besar itu berkata: "Yang dirobah tetap dirobah, tetapi yang belum dirobah hendaklah diberikan tempat gantian. Kita hendaklah berperilaku kemanusiaan dalam hal ini."

Mengenai tindakan kerajaan negeri membekukan projek-projek pembangunannya di Daerah Petaling, Datuk Hormat berkata, langkah itu bertujuan membolehkan kerajaan negeri menyusun semula strategi pembangunannya di semua daerah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Beliau yang enggan mengulas lebih lanjut mengenai sebab-sebab tindakan itu, berkata: "Kita sedang menyusun strategi jadi saya tidaklah mahu merosakkan kuah yang sedang di masak."